

**Kumpulan perniagaan Melayu dapatkan sokongan Dr M halang TPPA**  
**Malaysian Insider**  
**Aug 21 , 2013**  
**OLEH MD IZWAN**

Kumpulan perniagaan Melayu mengambil langkah menggunakan pengaruh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad untuk menghalang pelaksanaan Perjanjian Kerjasama Trans-Pasifik (TPPA) yang ketika ini dibincangkan oleh Putrajaya.

Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Majlis Tindakan Ekonomi Malaysia (MTEM) dan Badan Bertindak Bantah TPPA akan menjemput Dr Mahathir ke satu persidangan meja bulat TPPA, secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada Putrajaya yang dijangka menyambung rundingan di Brunei pada 22 Ogos ini.

"MTEM, DPMM dan Bantah TPPA akan mengadakan satu persidangan media bulat Perjanjian Kerjasama Trans-Pasifik, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan dan buah fikiran mengenai isu ini.

"Sidang ini juga akan membincangkan mengenai TPPA dengan lebih mendalam dan kesan yang akan diterima jika Putrajaya meneruskannya," kata Ketua Pegawai Eksekutif MTEM, Mohd Nizam Mahsar dalam satu sidang media di Bangsar, Kuala Lumpur.

Mohd Nizam berkata, peranan Dr Mahathir dalam membincangkan isu TPPA penting kerana mempunyai pengalaman dalam perjanjian bebas dan juga Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

"Dr Mahathir semasa mentadbir negara mempunyai pengalaman dalam mengendalikan perjanjian bebas serta juga terbabit dalam rundingan dengan WTO," katanya.

Mohd Nizam juga melahirkan keyakinan persidangan meja bulat yang diadakan akan menjadi platform kepada Putrajaya menimbangakan sewajarnya keputusan melibatkan perjanjian TPPA.

"Persidangan ini akan menjadi wadah dan platform kepada kerajaan untuk menimbangakan perjanjian TPPA ini," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden DPMM, Rizal Faris Mohideen Abdul Kader menggesa Putrajaya untuk mewujudkan satu badan yang berfungsi sama seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk memantau sebarang polisi melibatkan ekonomi negara.

"Kerajaan perlu menimbangakan untuk mewujudkan satu badan sama seperti MKN yang memantau keselamatan, tetapi badan ini akan memantau ekonomi ataupun polisi negara.

"Badan ini akan mengkaji sama ada sesuatu perjanjian tersebut berfaedah ataupun tidak sebaliknya kepada negara," katanya pada sidang media sama.

Mengenai respon kerajaan terhadap cadangan dan pandangan tentang perjanjian TPPA, MTEM menyatakan keyakinan kerajaan akan mempunyai keputusan yang sewajarnya demi kepentingan semua pihak.

"Kabinet mengadakan satu sesi khas pembentangan, ia adalah petanda baik dan positif.

"Isu ini dilihat penting kepada Kabinet, kami harap ia akan menghasilkan satu keputusan yang baik sama seperti perjanjian FTA pada 2007 lalu," kata Mohd Nizam.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) awal bulan ini mengadakan satu rumah terbuka bagi membincangkan mengenai TPPA dengan kumpulan perniagaan dan pihak berkaitan, bagaimanapun enggan mendedahkan butirannya atas alasan 'kerahsiaan'.

TPPA adalah inisiatif untuk membentuk satu kawasan perdagangan bebas (FTA) di kalangan 12 negara yang berjumlah 800 juta penduduk dan gabungan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Malaysia menyertai TPPA sebagai anggota perunding penuh pada pusingan ke-3 yang diadakan di Brunei Darulssalam pada Oktober 2010 lalu, serta terbaru adalah di semasa pusingan ke-18 baru-baru ini di Kota Kinabalu.

Kontroversi TPPA mendapat perhatian banyak pihak antaranya kumpulan sivil, pertubuhan bukan kerajaan dan juga parti Pakatan Rakyat (PR), hingga menyaksikan Putrajaya terpaksa membentuk Jawatankuasa Khas Pilihan Parlimen (PSC) melibatkan keanggotaan dwi partisan bagi membolehkan pembangkang mendapat penjelasan berhubung perjanjian berkenaan.

PR turut membangkitkan persoalan terhadap beberapa isu dalam TPPA yang memungkinkan akan memberikan kesan negatif kepada Malaysia memandangkan perjanjian itu tidak boleh diumumkan kepada orang ramai.- 21 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kumpulan-perniagaan-melayu-dapatkan-sokongan-dr-m-halang-tppa>